

## KELUARGA BAHAGIA UMMAH SEJAHTERA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ

بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala* di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,**

Sifat kasih sayang sangat penting dan amat ditekankan dalam Islam khususnya dalam pembinaan sebuah keluarga bahagia. Kasih sayang dapat diwujudkan dengan menjalinkan hubungan yang harmoni di antara seluruh anggota keluarga, sentiasa kasih mengasihi, saling menghormati dan bantu membantu antara satu sama lain. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

مَنْ لَا يَرْحَمِ النَّاسَ لَا يَرْحَمُهُ اللَّهُ

Yang bermaksud: *"Barang siapa tidak menyayangi manusia, Allah tidak akan menyayanginya."*

Bagaimanapun, bagi pasangan yang berkahwin, bukan sesuatu yang mudah untuk membentuk keluarga bahagia iaitu keluarga yang dibina berasaskan ketaqwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dan memperoleh rahmat-Nya di dunia dan akhirat. Allah *Subhanahu wa-Taala* berfirman dalam surah al-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka dan bahan-bahan bakarannya ialah manusia dan batu (berhala). Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya). Mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.*

Berdasarkan ayat tadi, pemimpin sesebuah rumahtangga sama ada suami atau isteri bertanggungjawab menentukan dasar rumahtangga agar tidak bercanggah dengan syariat Islam. Ketahuilah bahawa untuk membentuk sebuah keluarga yang bahagia, perlulah seseorang itu mempelajari ajaran agama Islam supaya dapat membentuk keluarga bahagia.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,**

Oleh itu, pembinaan keluarga yang bahagia ini perlu dilihat kepada peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh setiap isi rumah, merangkumi ibu bapa dan anak-anak. Tanggungjawab ini haruslah disemai sejak pada awal perkahwinan lagi supaya ibu bapa menjadi orang pertama memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada anak-anak khususnya dalam perkara akidah, akhlak dan syariat. Allah *Subhanahu wa-Taala* berfirman dalam surah Luqman ayat 13:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ، وَهُوَ يَعِظُهُ، يَبْنِي لَا تَشْرِكْ بِاللَّهِ

إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: *Dan ketika Luqman berkata kepada anaknya, " Wahai anak kesayanganku, janganlah Engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar;"*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,**

Keluarga bahagia perlu didasari dengan kehendak syarak agar ia memberi kesan yang baik dengan mengambil perhatian dan mengutamakan beberapa perkara berikut iaitu meletakkan akidah yang kukuh dengan mempelajari ilmu tauhid yang sebenar dan telah disusun oleh Imam Abu Hassan Al-Asyari dan Abu Mansur Al-Maturudi iaitu mempelajari sifat dua puluh supaya dapat memahami sifat-sifat Allah yang sebenar. Ketahuilah tauhid ini yang menyelamatkan kita daripada menyekutukan Allah seterusnya menolak daripada mentajsimkan Allah (menyerupakan Allah dengan makhluk) seperti Allah duduk di atas arasy atau di langit sedangkan Allah itu wujud tidak bertempat atau berarah. Adapun mempelajari tauhid tiga serangkai iaitu Tauhid Uluhiyah, Tauhid Rububiyah dan Tauhid Asma dan Sifat adalah pengajaran tauhid baru yang diperkenalkan oleh Ibnu Taimiyah yang boleh membawa kepada mentajsimkan Allah.

Suami isteri juga hendaklah mengetahui hak dan tanggungjawab masing-masing seperti kewajipan suami memberi nafkah dan pendidikan serta lain-lain kepada anak isteri dan itulah hak isteri dan anak-anak yang tidak boleh diungkit oleh suami. Manakala kewajipan isteri antaranya berkhidmat dan mentaati suami selagimana ia tidak bertentangan dengan syarak. Itulah hak suami yang wajib dipatuhi dan tidak sepatutnya dipertikaikan oleh isteri.

Inilah asas besar bagi membina keluarga bahagia ‘Rumahku Syurgaku’ sepertimana firman Allah *Subhanahu wa-Taala* dalam surah al-Rum ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا  
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *Dan antara tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya) bahawa Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.*

Sabda Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ ، وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَدَعُوهُ

Yang bermaksud: *“Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik kepada keluarganya, dan apabila mati seorang dari keluarga kalian maka janganlah mengingatnya melainkan pada perkara yang baik-baik sahaja”*

Semoga dengan itu, institusi keluarga yang dibina, berjaya menghidupkan persekitaran yang baik dan harmoni serta dilimpahi keberkatan kepada masyarakat dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ

وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud: *Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata, "Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami sebagai penenang hati kami, dan jadikanlah kami pemimpin ikutan bagi orang yang bertaqwa."*

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.